

BERITA ONLINE

UTUSAN BORNEO

TARIKH: 6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)



## Program STEM50 babit tiga sekolah menengah di DUN Nangka

© 2022-10-06T17:20:17+08:00



Dr Annuar (baris depan, empat kanan) serta kenamaan lain merakamkan kenangan bersama para peserta Techlympics 2022 Peringkat Zon Malaysia Timur, Sarawak di Sibu, hari ini.

SIBU: Dalam memupuk minat subjek Sains dan Matematik dalam kalangan pelajar, satu program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik 50 (STEM50) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nangka telah dilaksanakan.

Menurut ADUN Nangka Dr Annuar Rapa'ee, program itu melibatkan tiga sekolah menengah di kawasannya iaitu SMK Kampung Nangka, SMK Agama Sibu dan SMK Jalan Oya.

"Program yang merupakan projek saya untuk menarik minat dalam dua subjek tersebut di mana saya akan mengambil 'pelajar angkat' seramai 150 pelajar Tingkatan 1 dari tiga sekolah menengah di kawasan saya itu.

"Saya akan mengambil 50 'pelajar angkat' dari setiap sekolah sehingga ke Tingkatan 3 kerana apabila sampai ke Tingkatan 4, mereka akan dipisahkan kepada aliran Sains dan Seni," katanya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Malaysia Techlympics 2022 Peringkat Zon Malaysia Timur, Sarawak di Universiti Teknologi Sarawak (UTS) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembudayaan dan Perkhidmatan STI) Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Dr K. Nagulendran, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Datu Kameeri Affandi, Setiausaha Bahagian Perancangan dan Pembudayaan Sains MOSTI Nik Kamaruddin Nik Husin, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak Dr Les Met dan Pegawai Pendidikan Daerah Sibuh Ahli Chikba.

Dr Annuar yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat memberitahu, para pelajar yang dipilih itu telah menjalani tuisyen percuma bermula 3 Oktober lalu di mana pusat khidmatnya akan bekerjasama dengan guru dalam menyediakan tuisyen percuma untuk dua mata pelajaran itu dua kali setahun.

"Tuisyen ini akan diteruskan sehingga Januari dimana pada akhir Januari sekolah akan ditutup. Program ini akan diteruskan selepas cuti," jelasnya.

Menyentuh mengenai projeknya itu, Dr Annuar berkata, projek tiga tahun itu baharu dimulakan tahun ini.

Dengan hasilnya kelak, beliau menjelaskan menjelang akhir tahun 2024 terdapat 450 orang yang terlibat di dalam STEM50 itu.

"Objektif utama saya adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada mereka akan berada dalam aliran sains apabila berada di Tingkatan 4 dan 5, dan pastinya matlamat saya adalah untuk memastikan semua mereka akan menjadi jurutera, doktor atau profesion lain," katanya.

Dr Annuar berkata, walaupun projek itu bercita-cita tinggi namun yakin ia boleh dicapai kerana mendapat sokongan daripada MOSTI.

"Selain tuisyen percuma, para pelajar juga akan terlibat dalam aktiviti berkaitan dua mata pelajaran itu misalnya melawat hospital dan sebagainya dalam usaha memperkenalkan mereka terhadap barangan sains, seterusnya dapat menarik minat mereka," jelasnya.